



PROGRAM INSENTIF USAHAWAN UDA (UDA MALL)

PENDAHULUAN

Program Insentif Usahawan UDA Holdings Berhad merupakan program buat usahawan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) oleh pihak UDA Holdings Berhad dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC) untuk menyokong perniagaan usahawan di bawah kategori PKS & Mikro.

Program ini dirangka dan dilaksanakan untuk membantu usahawan PKS dengan menyediakan ruang niaga atau platform yang bersesuaian kepada usahawan untuk satu tempoh masa tertentu atau program usahawan jangka panjang untuk terus kekal di pasaran.

PROGRAM INSENTIF USAHAWAN UDA (UDA MALL)

Bil.	Program	Maklumat Program	Sasaran Penerima Manfaat	Insentif	Lokasi Program & PIC
PROGRAM USAHAWAN WANITA					
1	UDA Biznita Promotion Space	Menawarkan ruang niaga yang strategik di setiap bangunan dan premis milik UDA. Jenis ruang niaga: ruang/lot promosi	Usahawan PKS & Mikro wanita. Kelayakan umur: 21 – 60 tahun	Kos pengurusan dan manfaat fasiliti.	<p>1) Angsana Johor Bahru Mall Pn. Nurfaizah Abd. Rahman, T: 60197277955, E: faizah@udanet.com</p> <p>2) Angsana Ipoh Mall Pn. Mariatul Zakiah Abd Hamid, T: 60175706001, E: maria@udanet.com</p>
2	UDA Biznita Fashion Street	Menawarkan ruang niaga yang strategik di setiap bangunan dan premis milik UDA. Jenis ruang niaga: ruang/lot promosi	Usahawan PKS & Mikro wanita. Kelayakan umur: 21 – 60 tahun	Kos pengurusan dan manfaat fasiliti.	<p>3) Angsana Seremban Pn. Nor Hayati Mohd Noh, T: 60125266567, E: yatt@udanet.com</p> <p>4) Pertama Complex Pn. Norieni Basiron, T: 0327308500 samb 1527 E: norieni@udanet.com</p>
3	UDA Biznita Fincare	Sumbangan pembiayaan perniagaan kepada usahawan. Jenis ruang niaga: lot kedai	Usahawan PKS & Mikro wanita Kelayakan umur: 21 – 60 tahun	Diskaun sewa akan ditawarkan untuk tempoh tiga (3) bulan hingga enam (6) bulan pertama kepada usahawan sepanjang tempoh penyewaan di premis UDA atau dalam bentuk manfaat fasiliti seperti ubahsuai, pembelian kos awalan untuk memulakan perniagaan dan sebagainya.	<p>5) UTCKL @ Pudu Sentral Pn. Siti Mariam Ahmad, T: 60192165000, E: sitimariam@udanet.com</p> <p>6) Bangunan Cahaya Suria Pn. Siti Mariam Ahmad, T: 60192165000, E: sitimariam@udanet.com</p> <p>7) Hentian Duta Pn. Sharina Shahadan, T: 60122848572, E: sitimariam@udanet.com</p> <p>8) Individual Properties Pn. Siti Mariam Ahmad, T: 60192165000, E: sitimariam@udanet.com</p>

PROGRAM INSENTIF USAHAWAN UDA (UDA MALL)

Bil.	Program	Maklumat Program	Sasaran Penerima Manfaat	Insentif	Lokasi Program & PIC
PROGRAM USAHAWAN BELIA					
4	UDA 4Youth Promotion Space	<p>Menawarkan ruang niaga yang strategik di setiap bangunan milik UDA.</p> <p>Jenis ruang niaga: ruang/lot promosi</p>	<p>Usahawan PKS & Mikro Belia</p> <p>Kelayakan umur: 21 – 30 tahun</p>	Kos pengurusan dan manfaat fasiliti.	<p>1) Angsana Johor Bahru Mall Pn. Nurfaizah Abd. Rahman, T: 60197277955, E: faizah@udanet.com</p> <p>2) Angsana Ipoh Mall Pn. Mariatul Zakiah Abd Hamid, T: 60175706001, E: maria@udanet.com</p> <p>3) Angsana Seremban Pn. Nor Hayati Mohd Noh, T: 60125266567, E: yatt@udanet.com</p> <p>4) Pertama Complex Pn. Norieni Basiron, T: 0327308500 samb 1527 E: norieni@udanet.com</p> <p>5) UTCKL @ Pudu Sentral Pn. Siti Mariam Ahmad, T: 60192165000, E: sitimariam@udanet.com</p> <p>6) Bangunan Cahaya Suria Pn. Siti Mariam Ahmad, T: 60192165000, E: sitimariam@udanet.com</p> <p>7) Hentian Duta Pn. Sharina Shahadan, T: 60122848572, E: sitimariam@udanet.com</p> <p>8) Individual Properties Pn. Siti Mariam Ahmad, T: 60192165000, E: sitimariam@udanet.com</p>
5	UDA 4Youth Fashion Street	<p>Menawarkan ruang niaga yang strategik di setiap bangunan milik UDA.</p> <p>Jenis ruang niaga: ruang/lot promosi</p>	<p>Usahawan PKS & Mikro Belia</p> <p>Kelayakan umur: 21 – 30 tahun</p>	Kos pengurusan dan manfaat fasiliti.	

PROGRAM INSENTIF USAHAWAN UDA (UDA MALL)

Bil.	Program	Maklumat Program	Sasaran Penerima Manfaat	Insentif	Lokasi Program
PROGRAM USAHAWAN UDA					
6	SME Hub / One Stop Retail Centre	<p>Menyediakan lokasi atau ruang bersesuaian sebagai hub untuk usahawan menjalankan perniagaan.</p> <p>Jenis ruang niaga: lot kedai</p>	<p>Semua kategori usahawan PKS & Mikro</p> <p>Kelayakan umur: 21 – 60 tahun</p>	Kos pengurusan dan manfaat fasiliti.	<p>1) Angsana Johor Bahru Mall Pn. Nurfaizah Abd. Rahman, T: 60197277955, E: faizah@udanet.com</p> <p>2) Angsana Ipoh Mall Pn. Mariatul Zakiah Abd Hamid, T: 60175706001, E: maria@udanet.com</p> <p>3) Angsana Seremban Pn. Nor Hayati Mohd Noh, T: 60125266567, E: yatt@udanet.com</p>
7	Angsana Virtual Mall	<p>Usahawan akan ditawarkan berniaga di atas talian dengan menggunakan platform yang telah disediakan iaitu laman sesawang Angsana Virtual Mall dan aplikasi Yezza.</p>	Semua usahawan yang menyewa di premis UDA	Yuran langganan mengikut syarat penyertaan yang ditetapkan.	-

Nota:
 Elemen kos pengurusan – kadar sewa yang ditawarkan, deposit sewa, deposit utility dan lain-lain yang terlibat dengan pengurusan penyewaan untuk membantu usahawan memulakan perniagaan di bangunan atau premis bangunan milik UDA.

Elemen manfaat fasiliti – bantuan kepada penyediaan fasiliti di premis perniagaan seperti menyediaakn kiosk, bantuan kos ubahsuai pada kadar yang bersesuaian, pembelian produk dan lain-lain kepada usahawan untuk memulakan perniagaan di bangunan atau premis bangunan milik UDA

GARIS PANDUAN INSENTIF USAHAWAN UDA

1. DEFINISI PROGRAM PKS & MIKRO

1.1 DEFINISI PKS

Sesebuah perniagaan akan diklasifikasikan sebagai PKS jika ia memenuhi **tiga (3) syarat** yang berkaitan iaitu: -

- i. Kriteria kelayakan
- ii. Jenis penubuhan
- iii. Struktur pemegang saham

1.1.1 Kriteria Kelayakan

Memenuhi salah satu daripada dua kriteria kelayakan iaitu jualan tahunan atau bilangan pekerja sepenuh masa, **yang mana lebih rendah**.

Kategori	Perusahaan Kecil	Perusahaan Sederhana
Pembuatan	Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta <u>ATAU</u> Pekerja sepenuh masa daripada 5 hingga kurang daripada 75	Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta <u>ATAU</u> Pekerja sepenuh masa daripada 75 hingga tidak melebihi 200
Perkhidmatan dan Sektor Lain	Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta <u>ATAU</u> Pekerja sepenuh masa daripada 5 hingga kurang daripada 30	Jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta <u>ATAU</u> Pekerja sepenuh masa daripada 30 hingga tidak melebihi 75

Jadual 1: Definisi Berdasarkan Saiz Operasi

1.1.2 Jenis Penubuhan

PKS merujuk kepada entiti perniagaan tulen yang berdaftar dengan badan berikut: -

- a) **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** sama ada di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan (1956) atau Akta Pendaftaran Syarikat (1965) atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (2012); atau
- b) **Pihak berkuasa** atau **pejabat daerah** di Sabah dan Sarawak; atau
- c) **Badan berkanun** bagi pembekal perkhidmatan profesional.

1.1.3 Struktur Pemegang Saham

- a) Syarikat **tersenarai awam tetapi berada di papan kedua** seperti pasaran ACE, Malaysia Online Trading Platform for Unlisted Market (MyULM) atau di pasaran kedua / SME exchanges / pasaran tidak tersenarai di negara lain akan dianggap sebagai PKS selagi mana mereka memenuhi kriteria kelayakan.
- b) **Subsidiari firma di bawah (a)** akan turut dianggap sebagai PKS selagi mana mereka memenuhi kriteria kelayakan. Subsidiari merujuk kepada entiti di bawah kawalan syarikat induk sama ada melalui: -
 - i. Ahli lembaga pengarah; atau
 - ii. Mempunyai lebih daripada 50% kuasa mengundi / modal saham (tidak termasuk saham keutamaan); atau
 - iii. Secara tidak langsung melalui entiti lain yang merupakan subsidiari yang dimiliki oleh syarikat induk (subsidiari dua lapisan). Bagi tujuan ini, syarat-syarat di (a) dan (b) akan diguna pakai.

1.2 DEFINISI MIKRO

Definisi perusahaan mikro yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) adalah perniagaan yang mempunyai:-

- i. **Nilai jualan tahunan kurang daripada RM300,000;** atau
- ii. **Bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada lima (5) orang.**

Jika sesebuah perniagaan memenuhi salah satu kriteria merentasi saiz operasi yang berbeza, maka saiz yang lebih kecil akan diguna pakai. Sebagai contoh, jika jualan tahunan sesebuah firma berada di bawah kategori perusahaan mikro tetapi bilangan pekerja terletak di bawah kategori perusahaan kecil, perniagaan tersebut akan diklasifikasikan sebagai perusahaan mikro.


2. KRITERIA PEMILIHAN DAN PENGAMBILAN USAHAWAN UDA

- 2.1 Memenuhi kriteria perusahaan PKS dan Mikro (pemilikan tunggal dan perkongsian) sebagaimana yang ditetapkan.
- 2.2 Perusahaan PKS dan Mikro adalah milik warganegara Malaysia (warganegara Malaysia memegang saham perniagaan minimum 51%).
- 2.3 Perusahaan PKS & Mikro yang didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”), atau badan profesional berkanun.
- 2.4 Perusahaan mikro beroperasi minimum satu (1) tahun. Usahawan mikro berumur antara 21 hingga 60 tahun pada tarikh permohonan.
- 2.5 Pemohon tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah dan tidak pernah diisytiharkan mufliis / senarai hitam oleh bank. Pemohon yang sedang berada di dalam proses kebangkrapan dan / atau proses tindakan Mahkamah juga tidak layak memohon.
- 2.6 Pemohon bukan merupakan keluarga terdekat dengan mana-mana kakitangan UDA Holdings Berhad. Keluarga terdekat merujuk kepada pasangan suami / isteri dan anak-anak.
- 2.7 Bagi pemohon pasangan suami isteri / adik-beradik, hanya salah seorang sahaja yang layak dipertimbangkan. Hanya salah seorang sahaja daripada pasangan suami / isteri / adik-beradik untuk setiap pengambilan.
- 2.8 Pemohon tidak bekerja, sama ada di dalam sektor awam atau sektor swasta.
- 2.9 Pemohon tidak pernah menyertai program usahawan yang dianjurkan oleh UDA sebelum ini.
- 2.10 Sekiranya didapati bahawa pemohon tidak memenuhi mana-mana kriteria tersebut diatas, pemohon secara langsung adalah TIDAK LAYAK untuk dipertimbangkan. Sekiranya didapati terdapat kepalsuan maklumat yang dikemukakan, permohonan akan DIBATALKAN serta-merta.
- 2.11 Semua insentif usahawan ini hanya terpakai kepada usahawan yang akan menggunakan ruang atau berniaga di bangunan milik atau yang disediakan oleh UDA Holdings Berhad.
- 2.12 Untuk menjana dan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang pengurusan dengan menjadi teras perniagaan UDA seperti industri perhotelan (hospitaliti), industri peruncitan (mall) dan industri penyelanggaran (fasiliti).
- 2.13 Untuk membantu usahawan bumiputera yang berhasrat untuk membuka perniagaan sendiri dengan memberi pendedahan pengetahuan/ kemahiran dan pengalaman di dalam bidang teras perniagaan UDA seperti industri perhotelan (hospitaliti), industri peruncitan (mall) dan industri penyelanggaran (fasiliti).

3. PROSES PERMOHONAN DAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- 3.1 Setiap usahawan yang terpilih dikehendaki melengkapkan Borang Permohonan Penyewaan sebagaimana dinyatakan di dalam Polisi / Prosedur / Manual Bahagian Mall mengikut kategori ruang niaga yang ditetapkan (ruang niaga tetap atau ruang promosi).
- 3.2 Dokumen yang diperlukan oleh usahawan semasa mengemukakan permohonan: -
 - i. Borang permohonan;
 - ii. Salinan kad pengenalan;
 - iii. Maklumat perniagaan seperti jenis perniagaan, alamat perniagaan, pendapatan tahunan, maklumat pemilik perniagaan, bilangan pekerja, dll;
 - iv. Salinan bukti pendapatan perniagaan (contoh: Borang B Cukai Pendapatan, penyata bank enam (6) bulan terkini);
 - v. Salinan bukti operasi perniagaan (contoh: perakuan pendaftaran perniagaan, permit berniaga);
 - vi. Salinan bil utiliti; dan
 - vii. Lain-lain dokumen relevan untuk permohonan yang ditentukan oleh UDA (jika berkaitan).
- 3.3 Proses, dokumen dan syarat-syarat yang digunapakai untuk permohonan baru dan pembaharuan penyewaan setiap usahawan yang terpilih di bangunan UDA adalah sama dan tertakluk kepada: -
 - i. Polisi / Prosedur / Manual Bahagian Mall;
 - ii. Tenancy Policy Guideline; dan
 - iii. Promotion Policy.

4. CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN



5. ALAMAT LOKASI PEJABAT PENGURUSAN

1) Angsana Johor Bahru Mall

Attn: Pn. Nurfaizah Abd. Rahman
Management Office, UDA Angsana Sdn Bhd,
L1.33A, Level 1, Angsana Johor Bahru Mall,
Jalan Skudai, Pusat Bandar Tampoi, 81200 Johor Bahru, Johor.

2) Angsana Ipoh Mall

Attn: Pn. Mariatul Zakiah Abd Hamid
Management Office, UDA Mall Sdn Bhd,
Lot G24 Ground Floor,
Jalan Raja Ashman Shah, 30450 Ipoh, Perak.

3) Angsana Seremban

Attn: Pn. Nor Hayati Mohd Noh
UDA Mall Sdn Bhd, Pejabat Pengurusan UTC,
Lot 1.26, Tingkat 1, UTC Negeri Sembilan @ Angsana Seremban,
Jalan Kuala Pilah, Ampangan, 70400 Seremban, Negeri Sembilan.

4) Pertama Complex

Attn: Pn. Norieni Basiron
Management Office, UDA Pertama Sdn Bhd,
Lot RG-B, RG Floor, Pertama Complex,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

5) UTCKL @ Pudu Sentral

Attn: Pn. Siti Mariam Ahmad
Management Office, UDA Mall Sdn Bhd,
Lot BB-06, Tingkat Basement, Bangunan Pudu Sentral,
Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur.

6) Bangunan Cahaya Suria

Attn: Pn. Siti Mariam Ahmad
Management Office, UDA Mall Sdn Bhd,
6th Floor, Bangunan Cahaya Suria,
Jalan Tun Tan Siew Sin, 50500 Kuala Lumpur.

7) Hentian Duta

Attn: Pn. Sharina Shahadan
Management Office, UDA Mall Sdn Bhd,
Blok A, Mezzanine Floor, Bangunan Hentian Duta,
Jalan Persiaran Duta, 50480 Kuala Lumpur.

8) Individual Properties

Attn: Pn. Siti Mariam Ahmad
Management Office, UDA Mall Sdn Bhd,
Lot BB-06, Tingkat Basement, Bangunan Pudu Sentral,
Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur.